



Fail: (41) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 9 Februari 2012

Ketua Pengarang,

The Star

Akhbar : **The Star**
Tarikh : **11 Januari 2012**
Subjek : **Shoddy Work Does More Harm Than Good**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Kerajaan Tempatan(JKT) melalui Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa pihak Majlis telah menjalankan siasatan pada 11 Januari 2012 mendapati pembinaan longkang tersebut tidak dilaksanakan oleh pihak Majlis.

Walaupun bagaimanapun, atas dasar keselamatan penduduk pihak Majlis akan menjalankan kerja-kerja pembaikan menggantikan penutupan besi longkang tersebut kepada 'MS grating heavy duty'. Arahan telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 11 Januari 2012 dan kerja-kerja dijangka siap pda 28 Januari 2012.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my